



Anwar bersama Erdogan hadir pada Jamuan Makan Tengah Hari di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia, Turkiye tingkat pelaburan pelbagai bidang

2 pemimpin terus perkasa kerjasama rentas sektor kritikal, kukuh perkongsian atasi cabaran bersama

Oleh Mohd Iskandar Ibahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia dan Turkiye bertekad memperkukuhkan kerjasama pelbagai bidang termasuk dalam pertukaran teknologi, pertanian dan elektronik bagi merealisasikan sasaran perdagangan mencecah AS\$10 bilion (RM44.6 bilion).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ekonomi negara membangun seperti Malaysia dan Turkiye wajar meningkatkan intraperdagangan kedua-dua negara.

"Presiden Recep Tayyip Erdogan mencadangkan kita meningkatkan pelaburan perdagangan sehingga AS\$10 bilion dan tentunya saya percaya dengan komitmen yang ditunjukkan, akan dapat memudahkannya.

"Oleh itu, kita perlu berusaha dalam pelbagai bidang seperti semikonduktor, komoditi pertanian, elektrik dan elektronik, makanan dan minuman dan sudah tentu (dalam industri) pertahanan yang mesti kita lakukan," katanya pada sidang media bersama Erdogan di sini, semalam.

Terdahulu, Erdogan mengadakan pertemuan empat mata dengan Anwar di Bangunan Perdana Putra.

Pada sidang media itu, Anwar

turut menzahirkan rasa bangga dan penghargaan kepada Turkiye kerana memberi kepercayaan kepada pihak berkuasa lapangan terbang Malaysia meneruskan kerjasama dengan Lapangan Terbang Istanbul Sabiha Gokcen.

"Kita pasti akan bekerjasama rapat seperti yang dipersetujui dengan pihak berkuasa tempatan, syarikat pembinaan tempatan dan pengurusan kerana kita sudah menunjukkan kejayaan yang luar biasa dalam pengurusan syarikat penerbangan dan lapangan terbang.

"Saya selalu mengingatkan rakan-rakan untuk melihat contoh bagaimana di bawah kepemimpinan Presiden Erdogan, saya tidak tahu apa yang anda lakukan, tetapi anda berjaya mengubah Turkish Airlines menjadi syarikat penerbangan terkemuka dan lapangan terbang menjadi salah satu yang terbesar, paling cepak dan menarik begitu ramai pengunjung," katanya.

Hargai kerjasama erat

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen mereka mempertingkatkan hubungan dua hala dengan tumpuan khusus kepada pertahanan, tenaga, keselamatan, sains dan teknologi.

Anwar dan Erdogan juga menekankan kepentingan kerjasama berterusan merentasi sektor kritikal bagi memperkukuhkan perkongsian dalam menangani cabaran bersama.

"Kedua-dua pemimpin menyatakan penghargaan mereka atas kerjasama erat dalam hal ehwal pertahanan yang disokong oleh kerangka undang-undang yang kukuh dan Mesyuarat Dialog Tentera yang berterusan.

"Penubuhan mekanisme kera-

jaan-ke-kerajaan bagi perolehan produk pertahanan pada, Jun tahun lalu diiktiraf sebagai langkah penting ke arah ini," menurut kenyataan itu.

Selain pertahanan, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam memerangi jenayah, terutamanya jenayah transnasional dan terancang serta keganasan dalam semua bentuknya.

"Kedua-dua pihak menekankan potensi kerjasama dalam bidang projek hidrokarbon dan tenaga boleh diperbaharui dan percaya keperluan dialog yang lebih erat mengenai perkara mineral mentah kritikal yang penting untuk merealisasikan projek tenaga bersih masa depan," menurut kenyataan itu lagi.

Pada sebelah pagi, Erdogan, diberi sambutan rasmi di Kompleks Perdana Putra, di sini.

Sebaik tiba jam 11.10 pagi, Erdogan disambut Anwar sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Erdogan kemudian memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (Istiadat) yang diketuai Mejar Khairul Fakhzan.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan, anggota Kabinet, diplomat asing dan pegawai kanan kerajaan.

Anwar kemudian mengadakan jamuan tengah hari bagi meraikan Erdoan, di Seri Perdana di sini.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Turkiye ialah RM24.13 bilion (AS\$5.28 bilion) pada 2024, merekodkan peningkatan 18.7 peratus dari 2023.